

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Permingaan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024



‘UiTMCT – USU INTERNATIONAL MOBILITY PROGRAM (UIIMP)’ KOLABORASI ANTARABANGSA UITMCT - UNIVERSITAS SUMATERA UTARA (USU) LEBIH STRATEGIK DAN MAMPAN

Wan Maziah Wan Ab Razak & Haslenna Hamdan
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia

Emel koresponden: wanma558@uitm.edu.my

Serumpun bersahabat sudah lama, itulah yang ingin dinyatakan di dalam program yang diadakan bersama antara dua universiti ini sejak tahun 2016 lagi. Program antarabangsa antara dua universiti ini mengeratkan lagi hubungan dua negara Malaysia-Indonesia. Kini ia lebih jitu dengan gabungan pelbagai program bersama yang telah diadakan tahun lalu iaitu 'UiTMCT-USU International Mobility Programme (UUIMP) 2023' bertempat di UiTM Cawangan Terengganu yang telah di adakan pada 5 Julai sehingga 31 Julai 2023. Program ini juga turut mendapat sokongan dan kolaborasi daripada pihak Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu di mana penganjur turut mempromosikan Kampung Budaya Terengganu (KBT), En Ahmad Fathil bin Abd Ghani turut turun padang bagi menyampaikan cenderahati kepada semua delegasi dari Indonesia.

UiTMCT dan USU telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) sejak 2016 lagi dan telah disambung semula pada tahun 2022, kerjasama erat kedua universiti ini sentiasa berlangsung di dalam program Konferensi Antarabangsa serta Penyelidikan. UiTMCT juga telah berjaya menghantar kertas penyelidikan dan pembentang ke konferensi pertama dan kedua USU iaitu Economic and Business Conference (EBIC). Mereka juga turut memberi kerjasama

dan kolaborasi yang baik terutamanya di dalam konferensi antarabangsa yang dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan & Perniagaan (TiBEC) serta Terengganu International Multidisciplinary International Conference (TeMIC).

Program UUIMP yang disertai oleh delegasi dari USU telah berlangsung secara fizikal pada 5hb-8hb Julai 2023 di UiTMCT Kampus Dungun. Delegasi USU yang hadir ialah Profesor Isfenti Sadalia, SE, ME, Dekan Fakultas Vokasi USU, Dr. Yasmin Chairunisa, SP, MBA, Mrs. Beby Kendida Hasibuan, SE, M.Si, Mrs. Jane Melita Keliat, S. Si., M.Si dan Adisty Budi Khofifa. Program secara fizikal selama empat hari itu merangkumi pelbagai aktiviti di dalam serta di luar kampus. 'Sesi Meet & Greet bersama Pengurusan Eksekutif UiTMCT' yang dipengerusikan oleh Ts. Dr. Ermeey Abd Kadir, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, dengan dihadiri oleh Ketua-Ketua Pusat Pengajian dari tiga fakulti iaitu Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan serta Fakulti Perakaunan. Rektor UiTM Cawangan Terengganu iaitu Profesor Ts. Dr. Mazidah Puteh turut gembira menyambut ketibaan delegasi USU di dalam majlis makan malam yang diketuai bersama Liaison Officer, UiTM Global, selaku pengerusi program iaitu Puan Haslenna Hamdan.

Selain itu, program antarabangsa utama yang turut berjaya diadakan ialah 'Guest Lecture Session' mendapat sambutan yang

baik antara dua universiti, disiarkan secara langsung menerusi YouTube Live daripada Studio UiTM Terengganu di mana ia dikendalikan oleh Puan Fathiyah Ismail selaku Moderator. Program ini yang bertemakan 'Navigating the Changing Landscape of Business: Thriving in the Digital Era' melibatkan empat orang penceramah jemputan, masing-masing tampil dengan tajuk ceramah yang cukup menarik. Mereka ialah Dr. Wan Anisabanum bt Dato' Hj Saleh, Pensyarah Kanan Kewangan UiTMCT, Prof. Dr. Isfenti Sadalia, SE, ME, Dekan Fakultas Vokasi, USU juga turut berkongsi ilmu. Manakala dua lagi penceramah jemputan iaitu Dr. Yasmin Chairunisa, Pensyarah Fakultas Vokasi USU dan Dr. Maisarah Abdul Hamid, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTMCT.

Demi memperkukuhkan jaringan kolaborasi penyelidikan, program 'Joint Research Discussion' turut diadakan bagi membincangkan objektif utama di dalam menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti serta berimpak tinggi di kalangan pensyarah. Program ini jadi lebih menarik dan interaktif dengan adanya kuiz secara online yang dianjurkan oleh pihak Unit Keusahawanan UiTMCT iaitu MASMED. Hadiah wang tunai yang ditawarkan menarik perhatian para pelajar untuk menyertai "Entrepreneurial Kahoot Games". Di samping itu, program khidmat masyarakat



Cawangan Terengganu



UiTMCT-USU INTERNATIONAL MOBILITY PROGRAMME

5th -31st July 2023

- UiTMCT and USU Guest Lecture Session
- Joint Research Discussion
- Beautiful Terengganu Trip
- Virtual Entrepreneurial Kahoot Games
- International Beach Clean Up 3.0
- Virtual Young Entrepreneur Pitching Challenge
- Virtual EduBizTourism Video Competition
- Webinar Series



In Collaboration with:    





eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com